

16 MEI 2018

Dua pengedar dadah ditahan

Kuching

Dua pengedar dadah ditahan

Dua lelaki yang dipercayai pengedar dadah ditahan di Dewan Komuniti Kenyalang Park di sini, Ahad lalu.

Suspek berusia 27 dan 29 tahun itu ditahan sepasukan pegawai dan anggota Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah Kuching, jam 10.30 malam.

Ketua Polis Daerah Kuching Asisten Komisioner Ng Ah Lek berkata, tangkapan itu membawa kepada penemuan tiga plastik lut sinar mengandungi dadah jenis syabu bernilai

RM28,080 yang disimpan dalam dua beg plastik warna hitam.

Menurutnya, serbuan ke dewan itu dilakukan selepas pihaknya memantau aktiviti dan risikan terhadap kedua-dua suspek sejak beberapa minggu lalu.

“Suspek yang tidak mempunyai pekerjaan itu dipercayai menjadi pengedar dadah sepenuh masa di sekitar daerah ini.

“Polis percaya suspek menyasarkan penagih dadah di kawasan bandar sebagai pelanggan utama,” katanya di sini, semalam.